



## ***Terma dan Syarat***

### ***PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet Bernilai RM30 Melalui Alliance SavePlus Account/-i***

1. **“PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet Bernilai RM30 Melalui Alliance SavePlus Account/-i” (“Kempen”)** dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (**“Bank”**) dan akan dijalankan dari **28 April 2024 hingga 30 September 2024**; termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya (**“Tempoh Kempen”**).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) diingatkan untuk membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua terma dan syarat kempen ini (**“Terma dan Syarat”**) di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk diikat oleh dan menerima semua Terma dan Syarat.
3. Pelanggan Baharu dan Sedia Ada akan dirujuk secara kolektif sebagai **“Pelanggan yang Layak”** kecuali yang berikut:
  - a) Pelanggan yang mempunyai akaun dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
  - b) Pelanggan yang mempunyai akaun yang tidak dikendalikan secara memuaskan mengikut polisi dalaman Bank; atau
  - c) Mana-mana individu lain yang dikecualikan seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut polisi dalamannya; atau
  - d) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) tidak layak untuk mengambil bahagian.
  - e) Pelanggan bergaji di bawah Alliance @Work.
4. Untuk layak mendapat Ganjaran Kempen seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A** dan **Jadual B** di bawah (**“Ganjaran Kempen”**), Pelanggan yang Layak mesti telah mendaftar untuk Alliance SavePlus Account/-i (**“SavePlus/-i”**) semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria minimum yang dinyatakan dalam **Jadual A** dan **Jadual B**. Pelanggan yang Layak perlu memohon SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan memasukkan kod jemputan **“TNG30”** semasa permohonan.
5. Pemenuhan bagi Ganjaran Kempen di **Jadual A** dan **Jadual B** akan dilaksanakan mengikut kod jemputan **“TNG30”** yang dimasukkan semasa permohonan melalui aplikasi mudah alih allianceonline. Pelanggan yang Layak berhak mendapat PIN tambah nilai Touch ‘n Go eWallet bernilai RM30 melalui SMS ke nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan Bank (dalam tempoh 90 hari selepas tamat tempoh kempen).
6. Sekiranya berbilang pelanggan menggunakan nombor telefon bimbit yang sama semasa permohonan, hanya pelanggan pertama yang berjaya membuka Akaun Yang Layak akan mendapat Ganjaran Kempen.

#### **UNTUK PELANGGAN BAHARU BANK / PELANGGAN BAHARU PRODUK**

##### **Jadual A:**

<b>Produk Sertaan</b>	<b>Kriteria Kempen</b>	<b>Ganjaran Kempen Pendaftaran</b>	<b>Jumlah Had Ganjaran Kempen</b>
SavePlus/-i <b>(“Akaun yang Layak”)</b>	Memohon akaun SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan deposit minimum RM100 dan mengekalkan baki tersebut sehingga akhir bulan (contoh: Pembukaan akaun pada 14/05/2024, akhir bulan pada 31/05/2024)	PIN tambah nilai Touch ‘n Go eWallet bernilai RM30 (akan dipenuhi dalam tempoh 90 hari selepas tamat tempoh kempen)	Dihadkan pada PIN tambah nilai Touch ‘n Go eWallet bernilai RM30 bagi setiap Pelanggan yang Layak dan dihadkan kepada 3,000 pelanggan pertama yang berjaya membuka dan mengaktifkan SavePlus/-i dalam tempoh 30 hari dari bulan aplikasi

**Jadual B:**

<b>Prasyarat Kempen</b>	<b>Baki Akhir Bulan bagi Bulan Pembukaan Akaun SavePlus/-i</b>	<b>Ganjaran Pulangan Tunai Tambahan (RM)</b>	<b>Jumlah Had Ganjaran Pulangan Tunai Tambahan</b>
Mohon SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan mendeposit sekurang-kurangnya RM100 semasa tempoh kempen, berjaya membuka dan mengaktifkan dalam tempoh 30 hari dari bulan aplikasi	RM2,500 & ke bawah	RM0	Dihadkan pada Ganjaran Pulangan Tunai Tambahan bernilai RM80 bagi setiap Pelanggan yang Layak.  Jumlah Peruntukan Kempen untuk Pulangan Tunai Tambahan dihadkan pada RM40,000 sepanjang tempoh kempen, atas dasar tiba dahulu layan dahulu, untuk semua rakan kongsi.
	Lebih daripada RM2,500	Pulangan tunai RM30	
	Lebih daripada RM10,000	Pulangan tunai RM80	

Nota:

1. Pulangan Tunai Tambahan adalah sejumlah wang yang akan dikreditkan ke dalam Akaun SavePlus/-i Pelanggan yang Layak oleh pihak Bank.
2. Bulan aplikasi merujuk kepada bulan Pelanggan yang Layak memulakan permohonan e-KYC. Contoh, sekiranya permohonan e-KYC dibuat pada 14/05/2024, bulan aplikasi adalah Mei 2024.

### **Gambaran Kes**

**Senario 1:** Pelanggan yang Layak mempunyai baki deposit RM500 dalam akaun beliau memohon & mengaktifkan SavePlus/-i pada 14/05/2024. Pada 28/05/2024, beliau menambah baki akaun SavePlus/-i kepada RM2,500. Pada 31/05/2024, baki akhir bulan bagi akaun SavePlus/-i beliau ialah RM2,500. **Tiada Pulangan Tunai Tambahan akan diberikan untuk Senario 1.**

**Senario 2:** Pelanggan yang Layak mempunyai baki deposit RM20 dalam akaun beliau memohon & mengaktifkan SavePlus/-i pada 14/05/2024. Pada 28/05/2024, beliau menambah baki akaun SavePlus/-i kepada RM2,501. Pada 31/05/2024, baki akhir bulan bagi akaun SavePlus/-i beliau ialah RM2,501. **Pulangan Tunai Tambahan untuk Senario 2 ialah RM30.**

**Senario 3:** Pelanggan yang Layak mempunyai baki deposit RM12,000 dalam akaun beliau memohon & mengaktifkan SavePlus/-i pada 14/05/2024. Pada 28/05/2024, beliau mengeluarkan RM5,000 daripada akaun SavePlus/-i. Pada 31/05/2024, baki akhir bulan bagi akaun SavePlus/-i beliau ialah RM7,000. **Pulangan Tunai Tambahan untuk Senario 3 ialah RM30.**

**Senario 4:** Pelanggan yang Layak mempunyai baki deposit RM1,000 dalam akaun beliau memohon & mengaktifkan SavePlus/-i pada 14/05/2024. Pada 28/05/2024, beliau menambah baki akaun SavePlus/-i kepada RM10,001. Pada 31/05/2024, baki akhir bulan bagi akaun SavePlus/-i beliau ialah RM10,001. **Pulangan Tunai Tambahan untuk Senario 4 ialah RM80.**

7. Merujuk kepada Jumlah Had Ganjaran Kempen, Pelanggan yang Layak akan diberi ganjaran mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu, berdasarkan tarikh pembukaan akaun.
8. Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi semua kriteria yang disenaraikan di bawah dan Kriteria Kempen seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A** untuk layak menerima Ganjaran Kempen:
  - a) Individu yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan
  - b) Tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i ("**CASA-i**") termasuk Akaun SaveLink, Akaun Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham ("**SMF**") dengan Bank 12 bulan sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen; dan
  - c) Mohon SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline semasa Tempoh Kempen, berjaya membuka dan mengaktifkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari bulan aplikasi.
9. Pelanggan yang Layak perlu memulakan pembukaan Akaun yang Layak dengan menggunakan kod jemputan "**TNG30**" melalui aplikasi mudah alih allianceonline, memproses Kenali Pelanggan Anda ("**eKYC**") secara elektronik dalam Tempoh Kempen. Nombor Kad Pengenalan dan telefon bimbit Pelanggan yang Layak perlu dirakam dalam sistem Bank melalui proses kata laluan satu kali (OTP).
10. Bank berhak menuntut balik Ganjaran Kempen untuk sebarang pemenuhan sebelum ini (bagi mereka yang menerima PIN tambah nilai Touch 'n Go eWallet semasa jerayawara) jika pelanggan tidak memenuhi keperluan di bawah Kempen ini semasa semakan dilakukan pada peringkat pemenuhan. Sebagai contoh:
  - a. Pelanggan merupakan Pelanggan Sedia Ada Bank yang mempunyai CASA-i; atau
  - b. Pelanggan yang mempunyai akaun yang tidak berjaya diaktifkan.
11. Bank boleh menarik balik jumlah Ganjaran Kempen daripada mana-mana CASA-i yang dipegang oleh pelanggan dengan Bank atas asas usaha terbaik.
12. Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat Ganjaran Kempen untuk satu (1) kali sahaja. Jika, atas sebarang sebab, Pelanggan yang Layak mempunyai beberapa Akaun yang Layak yang boleh digunakan untuk Ganjaran Kempen ini, namun hanya SATU (1) akaun akan diberi ganjaran.
13. Sekiranya Pelanggan yang Layak gagal membuka Akaun yang Layak melalui eKYC, Pelanggan yang Layak akan dijemput untuk melengkapkan pembukaan akaun di cawangan pilihan. Jumlah minimum untuk membuka SavePlus/-i ialah RM250 untuk pembukaan akaun di cawangan. Kriteria Kelayakan bagi eKYC (tetapi tidak terhad kepada) adalah:
  - a) Rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan MyKad terkini (mempunyai gambar besar dan kecil anda)
  - b) Mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i (CASA-i) peribadi dengan perbankan internet di bank lain di Malaysia (untuk melaksanakan DuitNow / Pindahan Segera)
  - c) Pelanggan baharu atau sedia ada Alliance Bank yang tidak mempunyai CASA-i dan allianceonline
14. Pelanggan yang Layak perlu mengekalkan baki deposit minimum RM100 dalam Akaun yang Layak sehingga akhir bulan pembukaan akaun. Ini untuk Pelanggan yang Layak dimana Ganjaran Kempen mereka yang akan dipenuhi melalui kurier, sistem bank dan/atau rakan kongsi.
15. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun sedemikian akan dianggap sebagai satu akaun tunggal mengikut nama pemegang akaun utama. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Ganjaran Kempen akan diberi kepada pemegang akaun utama sahaja. Pelanggan yang Layak mestilah pemegang utama produk yang didaftarkan dan mempunyai nama yang sepadan dengan nama pemegang nama utama Akaun yang Layak untuk menikmati Ganjaran.
16. Akaun yang Layak mesti sah dan aktif (tidak ditutup atau ditamatkan) seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut polisi dalaman bank, supaya layak menyertai semasa dan selepas Tempoh Kempen untuk menerima Ganjaran Kempen. Jika Pelanggan yang Layak menutup Akaun yang Layak atas apa-

apa sebab semasa Tempoh Kempen dan Tempoh Pemenuhan, penyertaan beliau dalam Kempen akan terbatal dan tidak sah berkuatkuasa dengan serta-merta.

### **Terma dan Syarat Lain**

17. Bank berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberi notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
18. Pemenuhan Ganjaran Kempen akan dilaksanakan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen.
19. Ganjaran Kempen Pendaftaran tidak boleh ditukar dengan sebarang alternatif kepada tunai atau kredit lain.
20. Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh pemenuhan akibat butiran tidak betul atau tidak lengkap yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memastikan butiran yang betul disediakan supaya tuntutan dapat diproses. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesesakan atau ketidakbolehcapaian internet.
21. Pelanggan yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan untuk mematuhi peruntukan dokumentasi dan maklumat mengikut Terma dan Syarat Kempen ini akan menyebabkan Pelanggan yang Layak kehilangan hak untuk menerima Ganjaran Kempen tanpa Bank menanggung liabiliti.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah membaca, memahami, dan menerima Terma dan Syarat.
23. Jika Pelanggan yang Layak menyertai beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima Ganjaran di bawah salah satu kempen atau promosi yang disertai beliau. Bank berhak untuk memutuskan kempen atau promosi yang akan digunakan untuk Pelanggan Layak yang berkenaan.
24. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Ganjaran Kempen. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh mana-mana Ganjaran Kempen dan/atau tiada pemenuhan oleh sebarang ejen/pembekal/pengedar.
25. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang Layak akibat penggunaan Ganjaran Kempen tanpa kebenaran mana-mana orang yang tidak diluluskan oleh Pelanggan yang Layak.
26. Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.
27. Pelanggan yang Layak selanjutnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan menganjurkan, mempromosi dan menjalankan Kempen ini.
28. Bank berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak atau menarik balik Ganjaran Kempen dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini mengikut polisi dalaman bank. Semua rekod Bank untuk transaksi yang dilakukan adalah muktamad dan terakhir.
29. Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertikaian tidak akan dipertimbangkan.

30. Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut polisi dalaman Bank, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Untuk versi terkini Terma dan Syarat, sila layari [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my) dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma di sini dan versi yang dikemas kini, syarat yang terkini akan digunakan tetapi hanya setakat percanggahan tersebut.
31. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan sedemikian disebabkan oleh tindakan Pelanggan yang Layak sendiri.
32. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh pelanggan yang layak atau pihak lain kerana kesalahan pelanggan yang layak sendiri, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.
33. Semua Terma dan Syarat termasuk penambahan, pemadaman, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dilakukan berkenaan dengannya dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten Malaysia.
34. Pelanggan yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan muktamad dan membenarkan Bank untuk memproses data Pelanggan yang Layak bagi tujuan permohonan, untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa apa-apa pampasan kepada Pelanggan yang Layak.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.
36. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
37. Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

38. *SavePlus/-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.*
39. *SavePlus-i adalah berasaskan konsep Syariah melalui Tawarruq.*
40. *Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik Pelanggan dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan 'scam' kewangan. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan peraturan dari mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.*
41. *Pelanggan mesti menyimpan semua instrumen perbankan, contohnya, buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) dalam jagaan selamat. Pelanggan perlu memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila Pelanggan menyedari bahawa mana-mana perkara di atas hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat daripada transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang disebutkan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau dilanggar.*
42. *Jika sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kecuaiian sengaja Bank, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang ditanggung, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau muhibah, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau ganti rugi sedemikian telah didedahkan kepada, atau boleh diramalkan secara munasabah oleh Bank.*
43. *Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan tentang kejadian tersebut, Bank perlu menjalankan siasatan dan Pelanggan perlu memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi untuk memudahkan penyiasatan. Bank dengan ini dibenarkan untuk melaksanakan langkah berikut selepas pengesanan (dengan/tanpa kebenaran daripada pelanggan terlebih dahulu) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank menjalankan penyiasatannya:*
  - i. Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;*
  - ii. Membatalkan atau menetapkan semula akses internet atau perbankan mudah alih Pelanggan; dan/atau*
  - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan;*

*dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas telah dikendalikan.*